

KUALA LUMPUR, 9 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SUPAYA PARA PENGUSAHA KETURUNAN INDIA DI NEGARA INI MEMUKAR CORAK PELABURAN MEREKA DARI YANG BERBENTUK TRADISIONAL KEPADA YANG LEBIH BERKESAN DAN BOLEH MENGUNTUNGAN MASYARAKAT SERTA NEGARA SELURUHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN PENYERTAAN MEREKA DI BIDANG PEMBANGUNAN EKONOMI ADALAH PERLU BAGI MEMPERCEPATKAN PENCAPAIAN HASRAT RAKYAT MENENTUKAN KEMAJUAN DAN MASA DEPAN MALAYSIA.

BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI, BELIAU BERKATA PARA PEDAGANG DAN PENGUSAHA KETURUNAN INDIA HENDAKALAH MELABURKAN EBH BANYAK MODAL DI NEGARA INI KERANA SETAKAT INI TIDAK RAMAI DARIPADA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN.

MENURUTNYA, BUAT MASA INI PELABURAN KAUM INDIA SANGAT BERKURANGAN DI BIDANG PEMBUATAN KERANA MEREKA MENGANGAP LAPANGAN ITU MEMPUNYAI RISIKO YANG LEBIH TINGGI BERBANDING DENGAN BIDANG-BIDANG PEMILIKAN HARTA DAN SEBAGAINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENEKANKAN BAHAWA KERAJAAN MENGGALAKKAN PELABURAN DAN INI NYATA DENGAN PEMBERIAN BERBAGAI GALAKAN PELABURAN KEPADA GOLONGAN PENGUSAHA DAN PENUBHAN BEBERAPA BUAH AGENSI KHUSUS BAGI MENGENDALIKAN SOAL PELABURAN. —BERSAMBUNG 1250/MD

MAHATHIR - MIC 2 KUALA LUMPUR

TEGASNYA, AGENSI-AGENSI TERSEBUT ADALAH BERKHIDMAT UNTUK KEPENTINGAN SEMUA KAUM DAN TIDAK TERHAD KEPADA SATU-SATU KAUM SAHAJA.

AGENSI-AGENSI BERKENAAN BOLEH MENOLONG KAUM INDIA MEMPERTINGKATKAN LAGI KEMAJUAN EKONOMI MEREKA TETAPI BAGI MENENTUKAN PERTOLONGAN ITU BERKESAN, ORANG-ORANG KETURUNAN INDIA PERLU LAH MENYEDIA SERTA MELATIKKAN DIRI MEREKA.

+TETAPI SEHINGGA INI TIDAK RAMAI DARI PENGUSAHA KETURUNAN INDIA YANG MUNCUL UNTUK MEREbut PELUANG INI.

+JIKA PENGGEMBELINGAN WANG DAN TENAGA YANG DIBUKTIKAN OLEH BEBERAPA KOPERASI KEPUNYAAN ORANG KETURUNAN INDIA DIJADIKAN CONTOH, AMTLAH JELAS BAHAWA SOAL PENYERTAAN ORANG-ORANG INDIA DALAM BERBAGAI PROJEK USAHASAMA ADALAH MUDAH SEKALI, + TAMBAH BELIAU.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT DARI SEMUA LAPISAN PERLU LAH MEMAHAMI MAKSUD DASAR TERSEBUT DENGAN LEBIH JELAS.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERHARAP MIC DAPAT MEJJELASKAN KEPADA PRRA AHLINYA DAN KAUM INDIA AMNYA TENTANG DASAR TERSEBUT DAN KESANNYA KEPADA MEREKA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA FAHAMAN DAN PENERIMAAN OLEH AHLI-AHLI MIC DAN RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA YANG LAIN TERHADAP DASAR ITU AKAN MEMUDAHKAN LAGI LAYANAN DIBERI KEPADA MEREKA.

—BERSAMBUNG 1256/MD

SEBALIKNYA USAHA SETENGAH PIHAK MENJADIKAN RAKYAT KETURUNAN
INDIA SEBAGAI PENGHALANG DASAR EKONOMI BARU AKAN MENYUKARKAN LAYANAN
KERAJAAN TERHADAP SEGALA PERMOHONAN MIC.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, KERAJAAN MEMANG SEDAR TENTANG
NASIB KAUM PEKERJA RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA KHASNYA MERKA
YANG BEKERJA DI LADANG-LADANG.

KERAJAAN, UJARNYA, AKAN MENGGALAKKAN SERTA MENGAWASI PIHAK
PENGURUSAN LADANG SUPAYA MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KEMUDAHAN ASAS
UNTUK KEPENTINGAN PEKERJA MERKA.

SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA TELAH MEMBERI BANTUAN YANG PERLU BAGI
MEMBOLEHKAN RAKYAT KETURUNAN INDIA MEMPERBAIKI KUIL-KUIL MERKA
SELARAS DENGAN ASAS PERLEMBAGAAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU MERKA YANG MEMPUNYAI KERAKYATAN
SUPAYA MENGHARGAI DAN JANGAN BERSIKAP SEPERTI SETENGAH DARI MERKA
YANG SUDAH MENJADI WARGANEGARA MALAYSIA YANG CUBA MENGANCAM NEGARA
SENDIRI MELALUI MAJALAH ATAU PARA PELAWAT ASING.

BELIAU JUGA MENINGATKAN MERKA TENTANG GOLONGAN TERTENTU YANG
CUBA MENGAPI--APIKAN PERASAN YANG KURANG SIHAT DI KALANGAN MASYA-
RAKAT INDIA.

KATANYA, MERKA ITU HANYA BERPURA-PURA BERSIMPATI DENGAN KEADAAN
KAUM INDIA, TETAPI SEBENARNYA MEMPUNYAI NIAT YANG TERTENTU. ---
BERSAMBUNG 1300/YF

MAHATHIR-MIC 4 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG POLITIK, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN
SEBAGAI SALAH SEBUAH PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL, MIC
JUGA MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM POLITIK TANAHAIR.

KATANYA, KERJASAMA DAN KEMAMPUAN MEMAHAMI KEHENDAK RAKYAT OLEH
SEMUA PARTI POLITIK MERIPAKAN CIRI PENTING BAGI MENENTUKAN KETUHANAN
DAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

RAKYAT TAMBAH BELIAU, TIDAK BOLEH MENGENEPIKAN HAKIKAT BAHAWA
MASYARAKAT DI NEGARA INI, ADALAH TERDIRI DARI BERBILANG BANGSA.
MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, PARTI-PARTI POLITIK JUGA HENDAK

---LAH MEMAHAMI IMPLIKASI ITU TERUTAMA TENTANG PERLUKA KERJASAMA
UNTUK MEMUJUKKAN SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERTUPADU.

BELIAU SETERUSNYA BERHARAP HUBUNGAN ANTARA MIC DENGAN PARTI-
PARTI KOMPONEN BARISAN YANG LAIN AKAN TERUS BERKEKALAN DAN BERTAM-
BAH BAIK DEMI MENJAMIN KESTABILAN DAN MASA DEPAN NEGARA. --- BER-
SAMBUNG 1303/YF

B513

MAHATHIR-MIC 5 KUALA LUMPUR

PRESIDEN MIC, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM DALAM UCAPANNYA MENGIY-
GATKAN BAHAWA JURANG ANTARA JANJI-JANJI YANG TERKANDUNG DALAM DASAR
EKONOMI BARU DENGAN PERLAKSANAANNYA MASIH JAUH DAN INI BOLEH
MENJEJAS PENERIMAAN RAKYAT TERHADAP MATLAMAT DASAR ITU.

MENURUTNYA, MASIH ADA SETENGAH-SETENGAH KERAJAAN NEGERI
BADAN--BADAN BERKANUN DAN JABATAN--JABATAN KERAJAAN YANG MASIH BELUM
MEMAHAMI DAN MEMBERATKAN SEPENUHNYA --BUTIR-BUTIR LANJUT DAN PENDE-
KATAN ASAS--DASAR ITU.

BELIAU JUGA MENEKANKAN PENTINGNYA SOKONGAN DAN SIMPATI RAKYAT
TERHADAP DASAR ITU KERANA TAMPANYA MASALAH--MASALAH ASAS SEPERTI
PEKERJAAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN TANAH, PERUMAHAN, PERDAGANGAN
DAN PERUSAHAAN TIDAK AKAN DAPAT DI BERIKAN PERHATIAN SEPENUHNYA.

TAN SRI MANICKAVASAGAM YANG JUGA MENTERI PENGANGKUTAN JUGA
MENYENTUH TENTANG DUA PERKARA UTAMA, IAITU KEBUDAYAAN NASIONAL DAN
KERAKYATAN.

MENURUTNYA, MASIH TERDAPAT PERASAN TIDAK PUASHATI DI KALANGAN
RAKYAT TENTANG KETIADAAN ARUS YANG JELAS MENGENAI KEDUA--DUA PERKARA
ITU. --- BERSAMBUNG 1307/YF

EE

B516

MAHATHIR - MIC 6 KUALA LUMPUR

+OLEH YANG DEMIKIAN, TIMBUL PERASAAN TIDAK PUASHATI DI KALANGAN RAKYAT TERHADAP KURANGNYA PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH RADIO DAN TELEVISYEN KE ARAH KEPERLUAN KEBUDAYAAN TIAP-TIAP KETURUNAN YANG TELAH MENJADIKAN MALAYSIA TANAH AIR DAN TEMPAT TINGGAL MEREKA. + KATANYA.

KATANYA, MASALAH KEBUDAYAAN DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA TIDAK SEHARUSNYA DIBIARKAN HINGGA MEMBAWA KE ARAH YANG BOLEH MEROSAKKAN NEGARA DAN TIDAK MEMBAWA PERPADUAN SERTA PERSEFHAMAN KEPADA RAKYAT.

+DENGAN DEMIKIAN KITA TIDAK HARUS MELEPASKAN PELUANG UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA MUHIBBET DAN PENERIMAAN OBJEKTIF-OBJEKTIF SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM DASAR EKONOMI BARU DAN RUKUNEGARA. + KATANYA.

BELIAU JUGA MENIMBULKAN TENTANG KETIDAKPUASAN HATI RAKYAT YANG BERHAK DAN LAYAK MENDAPAT HAK ASASI KERAKYATAAN NEGARA INI.

MENURUTNYA DALAM BEBERAPA PERKARA, KELULUSAN UNTUK MEN-DAPATKAN KERAKYATAN SUKAR DIPEROLEHI WALAUPUN SETIAP KEPERLUAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN TELAH DIPATUHI. —BERSAMBUNG 1302/AH

MAHATHIR - MIC 7 KUALA LUMPUR

TAN SRI MANICKAVASAGAM MENYERU PROSES KERAKYATAN DIKAJI SEMULA DAN TINDAKAN DIAMBIL UNTUK MEMBERI PERHATIAN YANG PENUH KEPADA SETIAP PERMOHONAN YANG SAHIB.

+PENOLAKAN KERAKYATAN TELAH MENIMBULKAN KESULITAN YANG AMAT SANGAT KEPADA KELUARGA-KELUARGA DAN ORANG-ORANG YANG TERLIBAT. + KATANYA.

TENTANG PEMBELAAN NASIB KETURUNAN INDIA DI NEGARA INI PULA, PRESIDEN MIC ITU BERKATA SEJAK LIMA TAHUN LALU, PARTI TERSEBUT TELAH MENGAMBIL PERHATIAN YANG BEAT TERHADAP KELEMAHAN DAN KESULITAN YANG DIHADAPI MEREKA.

BELIAU JUGA TELAH MENYEBUT TENTANG RANGKASAS SOSIO-EKONOMI YANG DIGUBAL DALAM TAHUN 1974 YANG MENITIKBERATKAN MASALAH SERTA GARISPANDUAN TERHADAP PERANAN KAUM INDIA MENGATASI MASALAH TERSEBUT SECARA JANGKA PANJANG SEJAJAR DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

DI BIDANG PELAJARAN, KATANYA, TELAH DIJALANKAN USAHA MENGADAKAN DARJAH-DARJAH TAMBAHAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN NEGERI SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASRAMA UNTUK PARA PELAJAR LUARBANDAR.

TAN SRI MANICKAVASAGAM JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA MIC DAN MASYARAKAT KETURUNAN INDIA AKAN MEMBERIKAN SOKONGAN DAN TAAT SETIA YANG PENUH TERHADAP KERAJAAN PIMPINAN DATUK HUSSEIN ONN. —BERSAMBUNG 1307/AH

MAHATHIR - MIC 8 KUALA LUMPUR

KIRA-KIRA 800 ORANG AHLI MIC DARI SELURUH NEGARA MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG DUA HARI ITU.

ANTARA YANG HADIR JALAH SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SENU ABDUL RAHMAN, SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA, WAKIL PARTI GERAKAN, SENATOR DR. LIM KHENG YAIK DAN WAKIL MCA, PUAN ROSEMARY CHONG. —BERNAMA 1310/AH